

WORMNIL TABLET

Pyrantel Pamoate (125 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wormnil Tablet
2. Bagaimana Wormnil Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Wormnil Tablet
4. Cara menggunakan Wormnil Tablet
5. Semasa menggunakan Wormnil Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Wormnil Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wormnil Tablet

Wormnil Tablet digunakan untuk merawat jangkitan cacing tunggal atau beberapa jenis cacing seperti gelang, jarum dan kerawit.

Bagaimana Wormnil Tablet berfungsi

Wormnil Tablet mengandungi Pyrantel Pamoate, tergolong dalam kumpulan ubat yang menghapuskan jangkitan cacing. Ia membunuh cacing.

Sebelum menggunakan Wormnil Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika:

- terdapat alahan kepada pyrantel pamoate atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam Wormnil Tablet.
- anda mengalami kelemahan otot
- anda mempunyai masalah fungsi hati.

- Sebelum mula menggunakan Wormnil Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Piperazine (rawatan untuk cacing benang dan cacing gelang) boleh menghalang kesan pyrantel. Pengambilan serentak adalah tidak digalakkan. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Wormnil Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

10 mg / bagi setiap kg berat badan, sebagai dos tunggal

- Bila perlu digunakan

Untuk digunakan sebagai dos tunggal atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Tidak berkenaan.

- Jika mengambil dos secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera jika anda mengalami:

- kabur penglihatan; kekeliruan; pening, pengan, atau pitam apabila bangun dari posisi berbaring atau duduk, berpeluh; keletihan atau kelemahan yang luar biasa, degupan jantung tidak teratur.
- pengecutan, sentakan atau kelemahan otot
- kesukaran bernafas; hilang kesedaran.

Semasa menggunakan Wormnil Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Wormnil Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi Wormnil Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama dengan anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati di dalam penggunaan Wormnil Tablet semasa hamil dan menyusukan anak. Berbincang dengan doktor dahulu faedah rawatan berbanding dengan risiko ubat kepada bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Wormnil Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan dialami biasanya ringan dan jarang berlaku. Kesan sampingan yang dilaporkan adalah:

- Hipersensitiviti (ruam kulit)
- pening; mengantuk; sakit kepala; mudah marah; sukar tidur)
- gangguan gastrousus (sakit atau kekejangan perut, cirit-birit; hilang selera makan; loya atau muntah)

WORMNIL TABLET

Pyrantel Pamoate (125 mg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Wormnil Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat yang kering dan lindungi ubat ini daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, rata, berwarna kuning dan tidak berbau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Pyrantel Pamoate

- Bahan-bahan tidak aktif

Sodium Benzoate, Cab-o-Sil, Sodium Starch Glycolate (Explotab), Magnesium Stearate, Corn Starch, Lactose

- Nombor MAL:

MAL19940589XC

Pengilang

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
(445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

05/06/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)020621/00029